

UMS beri tawaran pengajian kepada 179 pelajar B40 melalui program MENITI

NST 21.8.2019 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi program Merubah Idea Menjadi Realiti (MENITI) menawarkan peluang kemasukan kepada 179 pelajar baharu yang berpendapatan isi rumah di bawah garisan kemiskinan 40 peratus terendah (B40).

Naib Canselor UMS, Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata program berkenaan merupakan usaha UMS untuk memberi peluang kepada pelajar kurang berkemampuan namun berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke universiti setelah gagal menerima sebarang tawaran ke menara gading.

"Saya berharap semua pelajar yang ditawarkan melalui program MENITI ini dapat memanfaatkan peluang dengan menunjukkan kemampuan yang ada melalui usaha-usaha dalam mencapai kecemerlangan sepanjang berada di universiti.

"Gunakan kesempatan dan potensi yang ada semasa berada di UMS ini untuk

menjadi seorang pelajar bukan hanya ulat buku tetapi juga merupakan seorang pelajar yang mahir dalam segala bidang," katanya selepas menyampaikan surat tawaran pengajian kepada salah seorang pelajar itu, baru-baru ini.

Pada Ahad lepas, Taufiq telah menyampaikan Surat Tawaran kepada dua pelajar masing-masing di Kampung Lok Batik Tuaran dan Kampung Mangkaladoi Tamparuli.

Menurut salah seorang penerima Norsahidah Nurman, 19, beliau pada awalnya sudah putus harapan apabila mendapati namanya tidak menerima sebarang tawaran selepas semakan keputusan secara atas talian.

Anak bongsu daripada lima adik beradik itu berkata, selepas gagal menerima sebarang tawaran dia telah mengambil keputusan untuk bekerja bagi membantu keluarga yang hanya melakukan perniagaan di gerai secara kecil-kecilan.

"Namun kehadiran UMS pada kali ini,

membuka harapan baru bagi saya, terutama dalam tekad untuk mengubah nasib keluarga.

"Saya mahu membanggakan ibu saya, dia seorang ibu tunggal yang banyak berkorban untuk kami dan saya mahu membawa semangat dia untuk berusaha mencapai kejayaan termasuk meraih keputusan yang baik dalam akademik sepanjang di universiti," katanya.

Seorang lagi penerima, Frolina Leong Ah Fung, 20, turut menyuarakan rasa syukur atas peluang yang diberikan UMS yang disifatkannya sebagai satu peluang keemasan dan akan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

"Saya akan belajar bersungguh-sungguh, menggalas peluang yang diberi ini dan mahu meraih segulung ijazah serta menggunakan ilmu yang diperolehi bagi meningkatkan taraf hidup keluarga," ujar anak ketiga dari empat adik beradik itu lagi," tambahnya. - Bernama